

Headline	Adik ipar Mufti Perak jemaah negara ke-18 meninggal dunia di Tanah Suci		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	12	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	304 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,008
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,025



## Adik ipar Mufti Perak jemaah negara ke-18 meninggal dunia di Tanah Suci

PARIT BUNTAR 30 Okt. -- "Saya tidak sangka pertemuan kami di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya pada 30 September lalu merupakan yang terakhir. Waktu itu, ayah dua tiga kali berulang-alik memeluk dan mendapatkan kami.

"Setahu saya, ayah tidak menghidap penyakit jantung, melainkan darah tinggi, tetapi dia tidak mahu pergi ke hospital. Ayah cuma hanya berpesan supaya pandai menjaga diri."

Demikian luahan Huzaitul Fadilah, 42, anak sulung daripada enam beradik kepada pasangan Sabli Jamaidi, 68, dan Hamsah Zakaria, 66, yang pergi menunaikan ibadah haji bersama-sama pada tahun ini.

Namun, Sabli yang juga adik ipar kepada Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria dan berkhidmat sebagai siak di surau kampungnya, disahkan oleh doktor meninggal dunia akibat serangan jantung pada pagi Isnin lalu.

Menurut Huzaitul, ibu dan bapanya yang pertama kali menjejakan kaki ke Tanah Suci itu pergi menunaikan haji bersama 10 ahli keluarganya yang lain.

"Ayah telefon setiap hari. Biasanya dalam pukul 11 pagi untuk bertanyakan khabar. Cuma pada Jumaat lalu, ayah ada mengadu tidak sihat, batuk dan selesema.

"Sewaktu hari kejadian, saya sangkakan itu panggilan ayah. Namun rupanya daripada sepupu yang

turut mengikuti ibadah haji dan kemudiannya memberitahu tentang kematian ayah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas lawatan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim ke rumah keluarga arwah di Kampung Tanah Kebun di sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Pongsu, Datuk Sham Mat Sahat dan Ketua UMNO Bahagian Parit Buntar, Abu Bakar Mat Ali.

Pada lawatan tersebut, Abdul Azeez turut menyampaikan sumbangan bantuan khairat kematian kepada waris keluarga Sabli.

Dalam pada itu, Abdul Azeez berkata, Allahyarham Sabli merupakan jemaah haji negara ke-18 yang meninggal dunia dalam musim haji pada tahun ini.

Beliau berkata, mangsa dilaporkan meninggal dunia di tempat penginapannya di Al-Bisyra Mawaddah, Mekah pada pukul 6.10 pagi waktu Arab Saudi.

"Jenazah Allahyarham telah diuruskan oleh para petugas Tabung Haji di Mekah dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Syaraiee di sana.

"Kita doakan agar roh Allahyarham dicucuri rahmat, mendapatkan keampunan Allah serta ditempatkan dalam kalangan orang yang soleh," katanya.



ABDUL Azeez Abdul Rahim (dua dari kanan) memeluk dan menenangkan Mohamad Bahtiar Sabli ketika melawat keluarga Allahyarham Sabli Jamaidi di Kampung Tanah Kebun, Parit Buntar, Perak, semalam.